



فلیتا بروئنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.01 | SUBUH 5.11 | SYURUK 6.34 | DUHA 6.57 | ZUHUR 12.31 | ASAR 3.52 | MAGHRIB 6.26 | ISYAK 7.39 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 7

15 JANUARI 2025 / 1446 رجب 15

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

TAFSIRNYA : "laitu orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah, ketahuilah! Dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia".
- Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 28.

BERKENAN BERANGKAT MENYAKSIKAN PERLAWANAN LIGA PERDANA SINGAPURA



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

BERAKAS, Isnin, 13 Januari. - Pasukan Brunei DPMM FC gagal memanfaatkan perlawanan di tempat sendiri setelah dikecawakan oleh Lion City Sailors (LCS) dengan jaringan 2 - 4 dalam perlawanan

Liga Perdana Singapura (SPL) Musim 2024 / 2025 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat menyaksikan perlawanan di antara Pasukan Brunei DPMM FC menentang Lion City Sailors di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

>> Muka 2

Sambutan Israk Mikraj Peringkat Negara pada 27 Januari

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Bagi memperingati peristiwa bersejarah Israk dan Mikraj Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah akan diadakan pada Isnin, 27 Rejab 1446 Hijrah bersamaan 27 Januari 2025 Masihi mulai pukul 9.00 pagi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan membawa tema 'Sembahyang Mencerdaskan Minda'.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi tahun ini akan diisikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan Tadabbur serta Ceramah Khas.

Majlis dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd.

Perjanjian Pengurusan Haji ditandatangi

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

ARAB SAUDI, Selasa, 14 Januari. – Majlis Penandatanganan Perjanjian Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih terdiadakan di Kerajaan Arab Saudi.

Hadir menandatangani bagi pihak NBD ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang

Berhormat Pehin Udina Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Haji dan Umrah, Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dr. Taufiq Fauzan Ar Rabi'ah bagi pihak Kerajaan Arab Saudi.

>> Muka 3

Sambutan Hari Kebangsaan manifestasi perpaduan, semangat patriotisme rakyat

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BERAKAS, Selasa, 14 Januari. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menekankan bahawa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, bukan sekadar acara tahunan tetapi satu manifestasi perpaduan dan semangat patriotisme rakyat NBD.

Oleh itu, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adalah penting bagi kita untuk memastikan

sambutan kali ini mencerminkan aspirasi negara dan semangat cintakan tanah air yang kita kongsi bersama.

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut semasa berucap pada Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025 berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di sini.

>> Muka 3



Berita Utama



ICEAM2025 : Membincangkan inovasi sistem tenaga, AI dalam kejuruteraan

Muka 4



MEMPELAJARI strategi berkesan dalam mengurus pemulihan hutang

Muka 6



61 pain darah berjaya dikumpulkan

Muka 9



RENCANA

HIDUP sihat melalui riadah berjalan kaki

Muka 21

Berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Perdana Singapura



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bagi menyaksikan perlawanan di antara Pasukan Brunei DPMM FC menentang Lion City Sailors (LCS).

>> Muka 1

Gol pembukaan oleh pemain jersi nombor 7 bagi kedua-dua Pasukan Brunei DPMM FC dan LCS berjaya dihasilkan bagi pasukan masing-masing. Brunei DPMM FC memulakan

perlawanan dengan baik apabila menjaringkan gol pertama pada minit ke-4 melalui jaringan Ketua Pasukan, Muhammad Azwan Ali Rahman.

Namun, pada minit ke-17, LCS menyamakan kedudukan menerusi gol Shawal Anuar.

Setelah beberapa kali pertahanan Brunei DPMM FC mulai digugat, akhirnya LCS membolos gol kedua menerusi Lennart Thy pada minit ke-30.

Sepuh masa kedua bermula terus menyaksikan anak didik Jamie Mcallister seakan mengatur strategi dan mendominasi permainan sehingga Miguel Oliveira menghadiahkan gol penyamaan bagi Brunei DPMM FC pada minit ke-56.

Dalam kedua pasukan begitu gigih mengatur strategi masing-masing, Lennart Thy sekali lagi berjaya memboloskan gawang Pasukan Brunei DPMM FC pada minit ke-64. Selang empat minit kemudian, Shawal Anuar terus memanfaatkan peluang dari sepakan sudut dan seterusnya menjaringkan gol keempat bagi LCS pada minit ke-68. Keputusan 4-2 berpihak kepada LCS dan kedudukan kekal sehingga wisel penamat dibunyikan.

Brunei DPMM FC selanjutnya akan berentap menentang Geylang International FC di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 18 Januari 2025 nanti. Marilah kita datang beramai-ramai untuk memberikan sokongan padu buat Brunei DPMM FC untuk terus beraksi cemerlang mencapai kemenangan.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman



ANTARA aksi perlawanan di antara kedua-dua pasukan (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir memberi sokongan.



WAKTU SEMBAHYANG

JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	RABU	15	5.01	5.11	6.34	6.57	12.31	3.52	6.26	7.39
16	KHAMIS	16	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
17	JUMAAT	17	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
18	SABTU	18	5.02	5.12	6.34	6.58	12.32	3.53	6.27	7.40
19	AHAD	19	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.40
20	ISNIN	20	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41
21	SELASA	21	5.03	5.13	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU Bandar Seri Begawan	KHAMIS	JUMAAT
31 °C 24 °C Cloudy with rain	30 °C 24 °C Cloudy with rain	30 °C 24 °C Cloudy with rain
Pekan Bangar		
30 °C 24 °C Cloudy with rain	30 °C 24 °C Cloudy with rain	30 °C 24 °C Cloudy with rain
Pekan Tutong		
31 °C 24 °C Cloudy with rain	30 °C 24 °C Cloudy with rain	30 °C 24 °C Cloudy with rain
Kuala Belait		
31 °C 24 °C Cloudy with rain	30 °C 24 °C Cloudy with rain	30 °C 24 °C Cloudy with rain
WallahuAlam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	www.mef.gov.bn	

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📞 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جا بن قراغن، جا بن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

SIDANG PENGARANG

15 JANUARI 2025

Rancang kewangan dengan bijak, jamin kesejahteraan hidup

HARTA dan wang ringgit yang Allah Subhanahu Wata'alaa kurniakan kepada manusia adalah untuk keperluan dan kesejahteraan hidup. Harta juga adalah anugerah Allah kepada hamba-Nya untuk menguji sejauh mana keimanan dan ketakwaan mereka dalam menguruskan kurniaan tersebut.

Perkara tersebut antara yang terkandung dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini, yang juga turut menjelaskan bahawa harta dan wang ringgit yang dimiliki adalah amanah dan tanggungjawab yang perlu diurus, dirancang dan dibelanjakan menurut panduan syariat bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Setiap wang ringgit yang diperoleh dan dibelanjakan pasti akan ditanya di akhirat kelak.

Dalam khutbah turut mengongsi tentang langkah yang perlu dilaksanakan dalam perancangan kewangan setiap individu Muslim ialah dengan memastikan sumber pendapatan yang halal dan mengelakkan daripada segala sumber yang haram seperti hasil rasuah, riba, judi, curi dan sebagainya. Perkara ini amat penting untuk memastikan keberkatan hidup.


Sementara langkah kedua ialah dengan mengawasi perbelanjaan dan mengawal dengan baik iaitu dengan mengutamakan keperluan asas sebagai nafkah diri dan juga keluarga seperti makan minum, tempat tinggal dan bayaran pinjaman bulanan sebelum berbelanja untuk kegunaan lain seperti aktiviti percutian dan hiburan. Dalam hal ini, kita hendaklah menyenaraikan kos perbelanjaan yang utama diselesaikan, setelah itu baki daripada perbelanjaan tersebut barulah digunakan untuk perkara lain, sesuai dengan tahap kemampuan kewangan masing-masing.

Khutbah juga turut meneckan agar setiap ahli keluarga perlu didik agar bijak berbelanja untuk mengelakkan pembaziran. Manakala ketua keluarga pula, hendaklah mengawal dan mengatur kewangan dan perbelanjaan ahli keluarganya, di samping menyediakan sebahagian peruntukan daripada harta untuk membuat kebajikan bagi menjadikan rezeki yang Allah Subhanahu Wata'alaa kurniakan itu berkat.

Di samping itu, kita juga dianjurkan untuk melazimi bersedekah, membantu kaum keluarga yang memerlukan, menyumbang untuk kegiatan agama dan kemasyarakatan dan sebagainya agar rezeki akan bertambah dan diberkati. Selain itu, kita jangan melupakan tanggungjawab terhadap harta yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'alaa kepada kita iaitu kewajipan mengeluarkan zakat. Hal ini kerana zakat berperanan membersihkan harta dan jiwa daripada noda dan dosa serta menambahkan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

Oleh itu, belanjakanlah harta mengikut jalan yang direndai Allah dan mudah-mudahan kita semua bijak dalam merancang dan menggunakan harta yang dimiliki bagi menjamin kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. – Ketua Penyuntingan (Rd)

PERJANJIAN PENGURUSAN HAJI DITANDATANGANI



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwah Ugama

>> Muka 1

Antara kandungan Memorandum Perjanjian tersebut ialah persetujuan perkara dasar dalam pengurusan haji. Manakala perundingan selanjutnya akan diteruskan di peringkat pegawai kanan pada hari berikutnya.

Terdahulu, Majlis Perjumpaan Dua Hala antara kedua-dua negara telah diadakan di Hotel The Ritz Carlton, Jeddah bagi membincangkan pengurusan haji bagi Jemaah Haji NBD.

Turut hadir dalam perjumpaan tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Dalam perjumpaan tersebut Menteri Haji dan Umrah, Arab Saudi menyatakan akan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi serta Kerajaan Arab Saudi dalam mengemas kini dan menambah baik hal ehwal pengurusan haji melalui sistem haji secara dalam talian yang

MAJLIS Penandatanganan Perjanjian Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwah Ugama bagi pihak NBD dan Menteri Haji dan Umrah, Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dr. Taufiq Fauzan Ar Rabi'ah bagi pihak Kerajaan Arab Saudi (atas kiri), manakala gambar atas kanan, Majlis Perjumpaan Dua Hala antara kedua-dua negara juga diadakan bagi membincangkan pengurusan haji bagi Jemaah Haji NBD.

diperkenalkan agar pengurusan haji dapat dikendalikan dengan lebih sistematik dan teratur.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwah Ugama dalam perjumpaan berkenaan menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan Arab Saudi atas pengurusan dan perkhidmatan yang cemerlang

serta layanan baik yang diberikan kepada Jemaah Haji NBD pada Musim Haji tahun lalu dan berharap ia akan kekal berterusan bagi Musim Haji yang akan datang ini.

Selain Majlis Perjumpaan Dua Hala dan Menandatangani Perjanjian Persefahaman Pengurusan Haji, kedatangan

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwah Ugama berserta rombongan ke Arab Saudi adalah atas jemputan Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi bagi menghadiri 4th Edition of the Hajj Conference and Exhibition yang diadakan di Superdome, Jeddah, Arab Saudi bermula pada 13 Januari 2025 hingga 16 Januari 2025.

Sambutan Hari Kebangsaan manifestasi perpaduan, semangat patriotisme rakyat



MESYUARAT Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Dalam ucapannya, Yang Berhormat juga menyatakan bahawa dengan bersandarkan penerapan Pendekatan Senegara (Whole of Nation Approach), semua jawatankuasa akan dapat memberikan kerjasama dan sama-sama berganding bahu dalam memastikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025 berjalan dengan lancar, teratur, sempurna dan berhemah dari tahun sebelumnya.

"Satu lagi aspek yang perlu

kaola / saya harapkan dapat diberi perhatian ialah aspek penyertaan komuniti. Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025 tidak akan bermakna tanpa penglibatan aktif rakyat dan penduduk di negara ini khususnya generasi muda kita. Oleh itu, kita perlu merangka persembahan yang dapat menarik minat semua peringkat umur dan latar belakang untuk bersama-sama merayakan detik bersejarah ini," tambah Yang Berhormat.

Terdahulu, ujar Yang Berhormat, Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun

2025 merupakan salah satu acara penting dalam kalender negara dan ia menjadi platform untuk kita menyampaikan mesej kesatuan, kekuatan dan semangat kenegaraan kepada seluruh rakyat NBD.

Oleh itu, perancangan dan pelaksanaan sambutan ini memerlukan usaha dan perhatian yang teliti agar ia dapat meninggalkan impak positif kepada negara dan rakyat.

Mesyuarat kedua tersebut merupakan kesinambungan daripada mesyuarat pertama jawatankuasa tertinggi yang telah membincangkan mengenai persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41,

Tahun 2025 antaranya ketetapan format Persembahan Padang, tempat, tetamu kehormat majlis bagi majlis-majlis, logo dan tema serta perbarisan dan ikrar termasuklah persediaan raptai-raptai yang akan dilaksanakan.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Hadir semasa mesyuarat tersebut, Menteri di Jabatan

Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Penasihat Bersama; Timbalan Menteri Hal Ehwah Agama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja selaku Timbalan Pengurus Bersama.

Juga hadir Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025.

Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025 akan diadakan pada hari Ahad, 23 Februari 2025.

ICEAM2025 : MEMBINCANGKAN INOVASI SISTEM TENAGA, AI DALAM KEJURUTERAAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Januari. – Dalam usaha meneruskan dedikasi terhadap pembangunan mampan dan penyelidikan terkini, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama ASEAN University Network Southeast Asia Engineering Education Development Network (AUN/SEED-Net), menganjurkan International Conference on Engineering and Advanced Materials (ICEAM) 2025 selama dua hari bertempat di Hotel Radisson, di sini.

Persidangan berkenaan dijalankan dalam format hibrid bagi membolehkan penyertaan secara fizikal dan juga maya untuk memupuk penglibatan global yang lebih luas.

Sehubungan dengan itu, hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan persidangan berkenaan ialah Naib

Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Juga hadir ialah duta-duta, wakil-wakil dari AUN/SEED-Net, rakan-rakan industri, pengurusan kanan UBD, fakulti, para pelajar dan delegasi dari komuniti global kejuruteraan dan material.

Dengan bertemakan 'Sustainable Engineering and Materials', persidangan berkaitan menghimpunkan lebih daripada 100 penyelidik, saintis dan profesional industri dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan seluruh dunia bagi membincangkan inovasi dalam sistem tenaga, Kecerdasan Buatan (AI) dalam kejuruteraan, amalan ekonomi kitaran dan tenaga boleh diperbaharui.

Acara berkenaan menampilkan penceramah utama termasuk Sesi Plenari daripada Profesor Dr. John T.S. Irvine dari University of St Andrews, United Kingdom (UK).



Antara penceramah utama lain termasuk Profesor Dr. Junji Inukai (University of Yamanashi, Japan), Dr. Mahendra Rao Somalu (Lynas Rare Earths Ltd, Malaysia), dan Profesor Dr. Asep Bayu Dani Nandyanto (Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung).

Sementara itu, Dekan Fakulti Teknologi Bersepadu, Dr. Juliana binti Haji Zaini dalam ucapan alu-aluan menekankan kepentingan tema persidangan berkenaan yang menekankan komitmen UBD dalam menangani cabaran global melalui penyelesaian inovatif.

Menurutnya, sesi dan perbincangan pada persidangan berkenaan dihasrat dapat memberi inspirasi kepada jalan penyelesaian yang boleh dilaksanakan bagi menangani isu-isu penting.

Manakala berucap bagi pihak AUN/SEED-Net, Penolong Pengarah Eksekutifnya, Profesor Dr. Kasem Choocharukul, menekankan kepentingan kerjasama dalam memajukan penyelidikan kejuruteraan dan material, yang merupakan usaha kerjasama antara Persidangan Serantau AUN/SEED-Net dan UBD.

Jelasnya, ICEAM 2025 mempunyai makna khusus bagi AUN/SEED-Net, kerana ia merupakan forum akademik bersepadu dan pelbagai disiplin yang menggabungkan penyelidikan, industri dan komuniti.

Beliau menambah, UBD telah dianugerahkan geran oleh AUN/SEED-Net, dan berharap ia akan mengukuhkan kerjasama



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam menyampaikan ucapannya (atas), sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

masa depan antara AUN/SEED-Net dan UBD.

ICEAM 2025 menyediakan pelbagai sesi yang memfokuskan kepada bahan-bahan berdaya tahan, inovasi tenaga, transformasi digital dan teknologi penangkapan karbon.

Persidangan berkenaan juga berfungsi sebagai platform untuk pertukaran pengetahuan, memupuk kerjasama antara penyelidik akademik, pakar industri dan juga pengamal.

Selain itu, perbincangan juga tertumpu pada perkembangan terkini dalam tenaga bersih, aplikasi AI, dan inovasi material mengukuhkan lagi peranan UBD dalam memacu penyelesaian kejuruteraan mampan.

Selain memajukan kerjasama akademik antara institusi ASEAN dan antarabangsa, ICEAM 2025 menyokong visi bersama negara-negara

ASEAN dalam memupuk pembangunan mampan dan inovasi teknologi melalui penyelidikan bersama dan inisiatif perkongsian pengetahuan.

Ini selaras dengan Pelan Induk Kelestarian UBD, yang membimbing kakitangan dan pelajar universiti dalam mengintegrasikan amalan, penyelidikan, dan inovasi kelestarian yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (SDGs), khususnya SDG 6 : Air Bersih dan Sanitasi, SDG 7 : Tenaga Bersih dan Mampu Milik, dan SDG 13 : Tindakan Iklim.

ICEAM 2025 mencerminkan komitmen berterusan UBD dalam memupuk inovasi global, kelestarian dan kerjasama antara disiplin, mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju serantau dalam penyelidikan kejuruteraan dan bahan maju.

Seminar memperkasa belia perangi rasuah

Siaran Akhbar dan Foto :
Biro Mencegah Rasuah

TUNGKU LINK, Isnin, 13 Januari. - Biro Mencegah Rasuah (BMR) dengan kerjasama Independent Commission Against Corruption (ICAC), Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China, United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) dan Hong Kong International Academy Against Corruption (HKIAAC), sedang menganjurkan seminar yang pertama seumpamanya mengenai 'Penglibatan Belia Yang Bermakna Dalam Usaha Anti-Rasuah' (Meaningful Youth Engagement (MYE) in Anti-Corruption Work).

Seminar ini, yang bertema 'Dari Kesedaran ke Tindakan : Memperkasa Belia Dalam Memerangi Rasuah' (From Awareness to Action : Mobilising Youth to Fight Corruption) diadakan di Dewan Kuliah UBD Corp, hari ini, yang dihadiri oleh pegawai-pegawai dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan, pelajar-pelajar universiti dan institusi pengajian tinggi serta belia-belia yang berdaftar di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Acara ini menandakan satu langkah yang signifikan ke arah menggalakkan penglibatan belia dalam perjuangan memerangi rasuah secara global, selaras dengan matlamat yang digariskan dalam 'Panduan Polisi Bagi Pihak Berkuaasa Anti-Rasuah Mengenai



BIRO Mencegah Rasuah (BMR) dengan kerjasama Independent Commission Against Corruption (ICAC), Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China, United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) dan Hong Kong International Academy Against Corruption (HKIAAC) semasa menganjurkan seminar mengenai 'Penglibatan Belia Yang Bermakna Dalam Usaha Anti-Rasuah'.

'Penglibatan Belia Yang Bermakna Dalam Usaha Anti-Rasuah' (Policy Guide for National Anti-Corruption Authorities on Meaningful Youth Engagement (MYE) in Anti-Corruption Work), yang disediakan bersama oleh ICAC, UNODC, dan International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA).

Panduan ini menyarankan pihak-pihak berkuasa di seluruh dunia untuk terlibat secara aktif dalam mewujudkan kesedaran mengenai pencegahan rasuah serta memupuk integriti, ketelusan,

dan akauntabiliti sebagai amalan kehidupan. BMR, sebagai salah satu ahli IAACA, telah turut menyumbang kepada penggubalan garis panduan dasar tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi acara ini ialah Pemangku Pengarah BMR, Awang Syed Azmal bin Syed Ali. Penceramah bagi seminar ini termasuk Roberta Falvo dan Christos Vlassis, dari UNODC; Penolong Pengarah Hubungan Komuniti, ICAC, Debbie Ly; Pegawai Kanan Akademi, HKIAAC, ICAC, Henry Lai dan

Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan dari Jabatan Belia dan Sukan, KKBS, Awang Muhammad Amirul Syazmie bin Ibrahim.

Seminar ini telah membincangkan bagaimana garis panduan dasar dapat menggalakkan perubahan positif dalam usaha memerangi rasuah. Para penceramah dari ICAC, UNODC dan Pemimpin Belia Elit ICAC juga telah mengongsikan pengalaman-pengalaman dan strategi-strategi mereka dalam bagaimana mereka menjalankan kerjasama dengan agensi-agensi

anti-rasuah dalam meningkatkan kesedaran serta usaha pencegahan rasuah.

Seminar ini akan diikuti dengan lengkap selama dua hari, yang akan menghimpunkan pegawai-pegawai anti-rasuah dan wakil-wakilnya untuk bekerjasama dengan ahli belia yang terpilih bagi mengaitkan teori dan amalan dalam membentuk pelan MYE yang juga akan mengintegrasikan platform teknologi dan digital, serta membincangkan cabaran-cabaran yang mungkin timbul dalam penyediaan pelan tersebut.

PROGRAM SUA MUKA TERUS DEKATI PENDUDUK KAMPUNG



SESI bergambar ramai pada Program Sua Muka bagi Kampung Danau, Mukim Telisai, Daerah Tutong bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kampung Danau (atas). Manakala gambar kanan, Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan.

TUTONG, Selasa, 14 Januari. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Danau,

Mukim Telisai, Daerah Tutong bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kampung Danau, Mukim Telisai, di sini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Juga hadir menyampaikan maklumat kepada penduduk-penduduk kampung, pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya (JKR) Bahagian Saliran dan

Pembetungan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Hal Ehwal Ugama Tutong, Syarikat USMS Sdn. Bhd. dan Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa-aja

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin



maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu komunikasi bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan

rakyat-kerajaan dengan membarangakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan prasarana, kesejahteraan dan kemudahan awam serta hal-hal lain.

Semai rasa cinta terhadap raja, agama, negara



SUASANA Program Taklimat Kenegaraan yang berlangsung di Sekolah Sukan (kiri dan bawah kiri). Manakala gambar atas, taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim, selaku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Januari. - Tiang bendera hendaklah didirikan di hadapan rumah atau bangunan dan tidak dipacak ke tanah. Ukuran tiang bendera rumah-rumah persendirian di Kampong Ayer hendaklah diletakkan di pantar rumah dengan ketinggian tiang sekurang-kurangnya 10 kaki.

Bendera dinaik-kibarkan secara menegak di kawasan hadapan rumah di darat dengan menggunakan tiang bendera tidak melebihi 20 kaki bagi bendera kebangsaan dan 30 kaki bagi bendera-bendera peribadi.

Demikian antara pengisian Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' anjuran Jabatan Penerangan, melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik yang berlangsung di Sekolah Sukan, hari ini.

Taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim, selaku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik juga turut menekankan bendera yang koyak dan luntur tidak boleh dinaikkan dan hendaklah diganti dengan yang

baharu.

"Apa jua tanda, huruf, perkataan, rajah, bentuk, lukisan atau lambang selain daripada lambang yang ada pada masa ini tidak boleh diletakkan pada bendera dan bendera hendaklah jangan sekali-kali menyentuh sebarang benda di bahawnya misalnya tanah, lantai, air dan seumpamanya.

"Bendera hendaklah dikibarkan mulai pada hari yang telah ditetapkan dan diturunkan pada tempoh yang telah ditentukan dan bendera tidak boleh digunakan sebagai alat untuk menerima, memegang, membawa atau menyerahkan sesuatu benda dan sebagainya serta bendera tidak boleh digunakan bagi tujuan iklan dalam apa cara jua pun," tegasnya lagi.

Dayang Mufidah juga antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Seramai 56 penuntut Tahun 7 menghadiri taklimat berkenaan dan turut dihadiri oleh Timbalan Pengetua (Akademik), Dayang Norjalina binti Haji Jaafar dan para tenaga pengajar.

Selain itu, para penuntut berkesempatan menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara

menaikkan Bendera' dan berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan

Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Selain itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Pengambilan HECAS Sesi Akademik 2025 / 2026 dibukakan

Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Pengambilan melalui HECAS bagi kemasukan bulan Ogos 2025 Sesi Akademik 2025/2026 secara dalam talian bagi kemasukan ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Politeknik Brunei (PB) dan permohonan Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri di bawah kendalian Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan akan bermula pada Selasa, 21 Januari 2025, pukul 9.00 pagi dan akan ditutup pada Selasa, 25 Februari 2025, pukul 3.00 petang.

Bagi keterangan lanjut, sila layari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau laman sesawang HECAS yang baru di hecas.moe.gov.bn.

Sebarang pertanyaan, pemohon boleh berhubung terus dengan Pentadbiran HECAS melalui e-mel di ask.hecas@moe.gov.bn atau melalui nombor telefon +673 2381992 / +673 2381224 semasa waktu pejabat.



MEMPELAJARI STRATEGI BERKESAN MENGURUS PEMULIHAN HUTANG

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Usahawan Muda Brunei



KIULAP, Isnin, 13 Januari. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB) berjaya menganjurkan sesi kedua siri bengkel bertajuk Bengkel YEAB II : Cara Mendapatkan Bayaran Tertunggak (YEAB Workshop II : How To Recover Outstanding Payments) baru-baru ini bertempat di Mavens' Hive, Kiulap.

Sesi tersebut memberikan peluang berharga kepada usahawan muda tempatan untuk mempelajari strategi berkesan dalam mengurus pemulihan hutang dan menjaga kesihatan kewangan perniagaan mereka.

Diketuai oleh Azizmah Hamzali, rakan kongsi di Hasnah Hassan & Associates dan setiausaha undang - undang kepada YEAB, bengkel itu memberikan pandangan penting dan nasihat praktikal kepada peserta tentang cara menghadapi cabaran pemulihan hutang.

Sesi ini menekankan beberapa perkara utama iaitu menyusun semula matlamat pemulihan hutang, di mana peserta digalakkan untuk memberi keutamaan kepada mendapatkan bayaran dalam

jangka masa yang munasabah daripada menuntut penyelesaian penuh secara sekali gus.

Turut ditekankan ialah pemudahan proses, yang mana bengkel ini menonjolkan keperluan sistem yang cekap seperti peringatan dan dokumentasi yang diseragamkan bagi mengurangkan kos dan penggunaan sumber.

Para peserta juga diterangkan tentang kepentingan menilai situasi kewangan penghutang untuk mengukur keupayaan pembayaran dan mengenal pasti risiko kegagalan pembayaran.

Di samping itu, komunikasi terbuka dan ronding turut ditekankan sebagai elemen penting untuk menetapkan pelan pembayaran yang dipersekutui bersama, dan juga Perlindungan Undang-undang, di mana kepentingan Surat Perakuan (Letter of Undertaking - LOU) dijelaskan, bersama panduan tentang cara menggunakan untuk melaksanakan pelan pembayaran dan mengurangkan risiko.

Selain itu, Pengurangan Risiko, iaitu strategi seperti menjalankan due diligence yang teliti, mendapatkan jaminan pihak ketiga dan melibatkan tanggungjawab pasangan turut dibincangkan sebagai langkah proaktif.

Akhir sekali ialah tindakan tepat masa, di mana peserta diingatkan tentang kepentingan bertindak dengan segera apabila berlaku pelanggaran kontrak, bersama penerangan tentang prosedur undang-undang dan tempoh had di Negara Brunei Darussalam.

Bengkel interaktif ini menggalakkan peserta untuk terlibat dalam perbincangan dan meneroka pendekatan kreatif serta



SEKITAR sesi kedua siri bengkel bertajuk Bengkel YEAB II : Cara Mendapatkan Bayaran Tertunggak (YEAB Workshop II : How To Recover Outstanding Payments) baru-baru ini bertempat di Mavens' Hive, Kiulap (atas, atas kiri dan bawah).

empati dalam pemulihan hutang. Ia juga menekankan kepentingan memperbaiki sistem pembayaran, kontrak, dan dokumentasi untuk mengelakkan pertikaian dan memastikan operasi perniagaan berjalan lancar.

Siri Bengkel YEAB terus menyediakan alat dan pengetahuan praktikal untuk memperkasakan usahawan muda tempatan di negara ini.

Dengan menangani cabaran perniagaan dunia nyata, YEAB mengukuhkan misinya untuk memupuk komuniti keusahawanan yang berdaya tahan dan inovatif di negara ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti YEAB, layari laman sesawang <https://www.yeabrunei.com/> atau di media-media sosial.



Penutupan sementara jalan menuju Bahagian Pesakit Luar, Hospital RIPAS

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Dalam usaha berterusan bagi memastikan perkhidmatan - perkhidmatan yang diberikan adalah yang berkualiti tinggi serta memastikan kesejahteraan dan keselesaan, Kementerian Kesihatan sedang mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk meningkatkan kemudahan dan operasi.

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa jalan menuju ke Bahagian Pesakit Luar (tempat penurunan bas shuttle) Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan ditutup sementara bermula 16 Januari 2025, jam 6.00 pagi sehingga 19 Januari 2025.

Penutupan ini adalah untuk membolehkan kerja-kerja penggantian atap dilaksanakan di kawasan tersebut.

Semasa tempoh penutupan, para penumpang bas shuttle akan menggunakan tempat penurunan sementara di Blok 3 (berhadapan dengan Pusat Jantung dan Koperasi BKSS) Hospital RIPAS.


Manakala orang ramai boleh

menggunakan jaluan alternatif bagi tempat penurunan melalui Parking Basement 1, Bahagian Pesakit Luar dan di Lobi Blok 5 (kompleks wad).

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan dan ketidakselesaan yang timbul. Kefahaman, kerjasama dan kesabarannya orang ramai ke arah ini adalah sangat-sangat dihargai.

Bagi sebarang maklumat terkini, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan : www.moh.gov.bn, media sosial rasmi kementerian: @mohbrunei atau menghubungi Talian Darussalam 123 atau melalui aplikasi MOHcares.

JALAN menuju ke Bahagian Pesakit Luar (tempat penurunan bas shuttle) Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan ditutup sementara bermula 16 Januari 2025, jam 6.00 pagi sehingga 19 Januari 2025.



MEMUPUK PERTUKARAN BUDAYA, KECEMERLANGAN AKADEMIK PELAJAR



UCAPAN alu-aluan daripada Ketua Pegawai Operasi LCB, Dr. Sivarajah Subramaniam.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Laksamana College of Business (LCB) hari ini merasmikan KCB IIEP (International Intensive English Program) Junior Camp 2025 dan mengalu-alukan 24 pelajar daripada Korea ke Negara Brunei Darussalam, yang berumur antara 8 hingga 10 tahun.

Majlis tersebut diadakan di Auditorium LCB, pagi tadi, di sini.

Acara ini dianjurkan untuk memupuk pertukaran budaya dan kecemerlangan akademik, di samping menandakan

bermulanya perjalanan yang memperkaya bagi para pelajar berkenaan.

Acara tersebut diisikan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pegawai Operasi LCB, Dr. Sivarajah Subramaniam yang seterusnya merasmikan KCB IIEP Junior Camp 2025.

Ini diteruskan dengan sesi perkenalan Fakulti KCB IIEP Junior Camp 2025 kepada para pelajar tersebut serta pembentangan dan lawatan ke Kampus LCB.

Majlis ini menekankan komitmen LCB dalam membina hubungan global dan menyediakan para pelajar dengan

pengalaman pembelajaran yang luar biasa.

KCB IIEP Junior Camp bertujuan untuk mempromosikan pemahaman silang budaya dan memupuk potensi akademik para pelajar melalui persekitaran yang dinamik dan menarik.

LAKSAMANA College of Business (LCB) merasmikan KCB IIEP (International Intensive English Program) Junior Camp 2025 dan mengalu-alukan 24 pelajar daripada Korea ke Negara Brunei Darussalam (atas dan kanan).



Kreativiti kanak-kanak mampu hasilkan idea baharu



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Kanak-kanak yang kreatif mempunyai sifat-sifat unik yang menjadikan mereka menonjol dalam pelbagai aspek kehidupan, di samping membawa harapan besar untuk masa depan kerana kreativiti mereka mampu menyumbang kepada kemajuan dalam pelbagai bidang.

Kreativiti adalah anugerah yang berharga kerana ia membolehkan seseorang melihat sesuatu dari perspektif yang berbeza, menghasilkan idea-idea baharu dan menyelesaikan masalah dengan cara yang inovatif.

Sebagai ibu bapa, penjaga termasuk juga pendidik, adalah penting untuk mengenal pasti ciri-ciri ini dan memberikan sokongan penuh kepada mereka.



KANAK - kanak kreatif juga menikmati cabaran dan suka mencari penyelesaian kepada masalah, dan menggunakan kreativiti mereka untuk mencari jalan keluar yang tidak biasa (kiri sekali dan kiri).

Dalam pendekatan Pelita Brunei mengenai ciri-ciri bagi kanak-kanak yang kreatif, antara ciri tersebut ialah mempunyai imaginasi yang tinggi iaitu kanak-kanak yang kreatif cenderung memiliki imaginasi yang luar biasa dan mereka sering mencipta cerita, bermain peranan, dan menggambarkan situasi yang tidak pernah terlintas dalam fikiran orang lain.

Contohnya, mereka boleh membayangkan dunia khayalan di mana binatang bercakap atau robot menjadi rakan baik. Imagination yang tinggi membolehkan mereka mencipta idea-idea yang segar dan menarik.

Selain itu, anak-anak kreatif mempunyai keinginan mendalam untuk mengetahui sesuatu. Mereka sering bertanya soalan seperti "Kenapa?", "Bagaimana?" dan "Apa akan terjadi jika...?"

Sifat-sifat itu mendorong mereka untuk menyelidik, meneroka dan mencuba perkara baru. Rasa ingin tahu yang tidak berkesudahan membantu mereka memahami dunia dengan lebih baik dan mencari jawapan kepada persoalan mereka sendiri.

Kanak-kanak kreatif juga tidak takut untuk mencuba pendekatan yang berbeza dan mereka berani menyuarakan pandangan atau mencadangkan penyelesaian yang mungkin kelihatan ganjil pada awalnya tetapi sebenarnya sangat berasas.

Sebagai contoh, mereka mungkin mencadangkan cara baharu untuk menyelesaikan masalah matematik yang jarang difikirkan oleh orang lain.

Di samping itu juga, kanak-kanak yang kreatif mampu mengaitkan idea - idea yang

kelihatan tidak berkaitan menjadi sesuatu yang bermakna dan mereka boleh melihat hubungan antara perkara yang mungkin tidak jelas bagi orang lain.

Sebagai misalan, mereka mungkin menggabungkan seni dan sains untuk mencipta sesuatu yang unik seperti model robot berbentuk haiwan.

Sifat suka bereksperimen juga adalah salah satu ciri utama anak yang kreatif. Mereka tidak takut melakukan kesilapan kerana mereka melihatnya sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran.

Anak-anak kreatif juga sering peka terhadap apa yang berlaku di sekitar mereka dan mereka dapat merasai perubahan dalam suasana atau perasaan orang lain. Kepekaan ini sering menjadi inspirasi kepada kreativiti mereka,

terutamanya dalam seni, muzik atau penulisan.

Selain itu, kanak-kanak kreatif juga menikmati cabaran dan suka mencari penyelesaian kepada masalah, dan menggunakan kreativiti mereka untuk mencari jalan keluar yang tidak biasa. Contohnya, jika mainan mereka rosak, mereka mungkin menggunakan bahan lain seperti kotak atau kayu untuk mencipta semula mainan tersebut.

Apabila terlibat dalam sesuatu yang diminati, anak-anak kreatif menunjukkan tahap semangat dan dedikasi yang tinggi. Mereka sanggup menghabiskan masa yang lama untuk menghasilkan sesuatu yang bermutu. Sikap ini membantu mereka menghasilkan karya yang penuh inovasi dan daya tarik.

Dengan sokongan ibu bapa, anak-anak dapat membangunkan kreativiti yang membantu mereka menyelesaikan masalah secara inovatif, meningkatkan keyakinan diri, menjadi individu yang fleksibel dan berdaya tahan, dan meluahkan perasaan dengan cara yang sihat.

Peranan ibu bapa dan penjaga dalam mencipta persekitaran yang membolehkan kreativiti berkembang akan meninggalkan impak positif kepada anak sepanjang hayat mereka.

BAZAR TAWAKAL : MEMPROMOSI PELBAGAI PRODUK MELALUI PROGRAM 1K1P

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



SEKITAR Bazar Tawakal yang berlangsung di Dewan Muhibbah (atas dan bawah kanan).

BERAKAS, Selasa, 14 Januari. - Kira-kira 53 peserta terdiri daripada para pengusaha tempatan dan luar menyertai Bazar Tawakal anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kilanas dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) yang berlangsung bermula Isnin, 13 Januari, 2025 hingga Khamis, 16 Januari 2025 bertempat di Dewan Muhibbah, JDBM.

Pelbagai produk diketengahkan pada bazar berkenaan termasuk yang dihasilkan oleh beberapa MPK yang ikut serta bagi mempromosi pelbagai produk mereka melalui program Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Melalui pengajuran bazar

berkenaan, ia antara lain dihasratkan bagi membantu menjana ekonomi dan memberi peluang kepada masyarakat terutama para belia untuk memulakan perniagaan selaras dengan saranan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di samping membantu mempromosi makanan tempatan yang dihasilkan oleh anak-anak tempatan dan juga bagi menyumbangkan bantuan derma kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Salah seorang pengusaha di bawah 1K1P bagi MPK Rancangan Perumahan Negara

(RPN) Kampung Panchor Mengkubau, Dayang Shukrinah binti Haji Kanafiah semasa ditemui mengongsikan antara jualan yang ditawarkan ialah ayam pandan dan donut (sejuk beku).

"Alhamdulillah, sambutan sangat menggalakkan dari orang ramai dan kebanyakannya produk yang dijual terutamanya ayam pandan habis dijual sebelum tengah hari lagi.

"Stok akan ditambah setiap hari namun ia juga laris dijual," ujarnya yang turut menawarkan pelbagai jenis makanan di petak jualan MPK RPN Kampung Panchor Mengkubau.

Sementara itu, salah seorang lagi pengusaha yang dijemput dari Kota Kinabalu, Sabah, Dayang Alveani binti Awang merupakan Pengusaha Bersama bagi Nasi Lemak Rendang Oma.

Menurutnya, ini merupakan penyertaan kali pertama mengikuti bazar di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan sambutan daripada warga NBD terhadap produknya sangat menggalakkan.

Dayang Alveani mengongsikan, untuk bazar berkenaan, beliau membawa satu produk keluaran syarikatnya, iaitu rendang daging siap untuk dimakan (*ready-to-eat*) yang dijual dengan harga promosi, iaitu tiga paket untuk BND30 dan BND12 bagi pembelian satu paket.

"Istimewanya rendang daging kami ini ialah resipiannya dihasilkan dari nenek (oma) kami dan ia bukanlah juadah yang selalu dimasak kecuali dimakan semasa majlis-majlis kenduri sahaja, justeru dengan adanya paket



DAYANG Shukrinah binti Haji Kanafiah (kiri) dan Dayang Alveani binti Awang (kanan) semasa ditemu bual.



sedia untuk dimakan ini, orang ramai boleh menikmati bila-bila masa sahaja," ujarnya.

Buat masa sekarang tambahnya, mereka belum lagi memasuki pasaran NBD namun jika orang ramai berhasrat untuk menempah, mereka boleh

melakukan penghantaran ke negara ini untuk tempahan lebih BND100.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir menyokong para pengusaha tempatan yang dibuka bermula dari jam 7.30 pagi hingga jam 5.00 petang.



Menderma darah amalan cara hidup sihat

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SEBAHAGIAN yang hadir menyertai pada Kempen Derma Darah (atas dan atas kanan).

BERAKAS, Selasa, 14 Januari. - Sebanyak 28 pain darah berjaya dikumpulkan pada Kempen Derma Darah anjuran Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan (CCCT) dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan yang diadakan di kolej berkenaan hari ini.

Kempen berkenaan menyaksikan kehadiran warga kolej dan orang ramai mendermakan darah bermula jam 10.00 pagi.

Ketua Penyelia Simpanan Darah, Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Haji

Matusop bin Haji Daud ketika ditemui menyarankan orang ramai terutama sekali kepada para belia untuk menderma darah bagi memastikan simpanan darah sentiasa mencukupi bagi keperluan pesakit yang menjalani rawatan perindahan darah.

Menurutnya, menderma darah merupakan antara amalan cara hidup sihat.

Beliau turut mengongsikan beberapa tip sebelum menderma darah, iaitu antaranya ialah makan sebelum menderma darah, perbanyakkan minum air sehari sebelum pendermaan darah, tidak yang mencukupi, iaitu tidak kurang daripada lima jam; berat badan tidak kurang 45

kilogram, memakai pakaian yang bersesuaian semasa menderma darah bagi memudahkan proses pendermaan darah yang akan dilakukan, tidak membuat aktiviti berat seperti bersukan 24 jam selepas pendermaan darah dan digalakkan untuk menggunakan aplikasi Bloodkad bagi menempah slot pendermaan darah dan pendaftaran.

Kerjasama Kempen Derma Darah berkenaan dihasratkan agar dapat memberikan kesedaran kepada orang awam secara umumnya mengenai kepentingan menderma darah yang boleh menyelamatkan banyak nyawa dan membantu khususnya pihak Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS bagi keperluan menambah lagi stok darah yang ada pada masa ini.



Penutupan kaunter mahkamah

Siaran Akhbar : Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Januari. - Jabatan Kehakiman Negara ingin memaklumkan bahawa Mahkamah Besar dan Kaunter Pembayaran Mahkamah Besar Sivil, Bandar Seri Begawan (BSB) dan Mahkamah Rendah dan Kaunter Pembayaran Mahkamah Rendah, BSB akan ditutup pada Khamis, 23 Januari 2025 pada sebelah pagi.

Penutupan tersebut adalah bagi memberi laulan kepada Upacara Pembukaan Tahun Undang-undang 2025.

Mahkamah Besar dan Kaunter Pembayaran Mahkamah Besar Sivil, BSB dan Mahkamah Rendah dan Kaunter Pembayaran Mahkamah Rendah, BSB akan dibuka semula pada jam 2.00 petang pada hari yang sama.

Pihak mahkamah memohon maaf atas apa jua kesulitan yang timbul olehnya dan terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

61 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPULKAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS) mengadakan Kempen Menderma Darah bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KSSUP, hari ini.

Kempen Derma Darah yang

bermula dari pukul 9.00 hingga 11.30 pagi dan pukul 1.00 hingga 3.00 petang itu berjaya mengumpulkan sejumlah 61 pain darah yang didermakan daripada orang ramai serta pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Kempen Menderma Darah tersebut bertujuan untuk memberikan peluang kepada penderma dalam membantu meningkatkan tabung simpanan darah di Pusat Pendermaan



ANTARA yang menyertai Kempen Menderma Darah bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (kiri, atas dan kanan).

Darah, Hospital RIPAS.

Di samping, ia juga sebagai salah satu usaha bersama dalam menggalakkan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dalam kalangan warga kementerian serta menjadikan amalan menderma darah sebagai satu tabiat kesihatan sepanjang hayat.



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU



Berselawat selagi mampu

Hadir riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada 'Ali Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Orang yang bakhil (kikir) itu ialah orang yang (jika) namaku disebut di sisinya, maka ia tidak mahu mengucapkan selawat kepadaku".

Hadir riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Umar bin al-Khattab Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Sesungguhnya doa itu tertahan (mengembang) antara langit dan bumi tidak dapat naik sedikit pun daripada itu sampai ia mengucapkan selawat kepada Nabim Sallallahu Alaihi Wasallam".

Kelebihan Selawat

Hadir riwayat Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Seseorang amat hina, jika namaku disebutkan di sisinya lalu ia tidak mengucapkan selawat kepadaku".

Surah Al-Ahzab: 56

Hadir riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Seseorang amat hina, jika namaku disebutkan di sisinya lalu ia tidak mengucapkan selawat kepadaku".

"Sesiapa mengucap selawat sekali kepadaku, Allah berselawat (memberi rahmat) kepadanya 10 kali".

Hadir riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Manusia yang paling utama bersamaku (nanti) pada Hari Kiamat, ialah orang yang paling banyak mengucapkan selawat kepadaku".

Adapun tujuan berselawat ini di antaranya ialah:

- Memenuhi perintah Allah Subhanahu Wata'ala seperti mana yang tersebut dalam Surah Al-Ahzab: 56 yang memerintahkan berselawat.

- Mengenang jasa-jasa dan budi yang telah dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam penyebaran dan kesusaahan Baginda dalam penyebaran dakwah Islam.

- Melakukan kebaikan dan mensyukuri nikmat-nikmat Islam.

Dengan memperbanyak selawat kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam setiap keadaan dan waktu adalah menunjukkan cinta dan kasihnya kita kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Manakala mereka yang tidak membaca selawat (menurut pandangan syarak) dianggap sebagai seorang yang bakhil. Sesungguhnya Ucapan selawat yang dilafazkan bukan hanya mendoakan keberkatan dan rahmat kepada baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahkan juga mendoakan keberkatan kerahmatan untuk diri kita sendiri. Sekurang-kurangnya ucapan selawat itu ialah:

اللهم صل على سيدنا محمد وعلى آله وآله وآله

Justeru itu, kita hendaklah meraih peluang untuk mengamalkan dan rajin mengucapkan selawat untuk meraih kebaikan dan kebajikan dunia dan akhirat.

Percikan Air 'Mutanajjis' Yang Dimaafkan

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

NAJIS dari segi syara' bermaksud sesuatu yang menjijikkan yang menghalang daripada sah sembahyang termasuk najis yang dikira sah sembahyang kerana dimaafkan. Najis itu seperti anjing, babi, darah, muntah, bangkai binatang selain ikan dan belalang, tahi, nanah dan seumpamanya.

Air *mutanajjis* ialah air yang terkena atau bercampur najis. Jika najis itu bercampur dengan air yang sedikit sekalipun sifat air tidak berubah atau ia bercampur dengan air yang banyak dan mengubah sifat air yang banyak itu, maka air tersebut menjadi air *mutanajjis*. Maksud air yang sedikit itu ialah air yang kurang dari dua *qullah*. Sukatan dua *qullah* ialah kira-kira 216 liter. Dari sudut ukuran isi padu pula ialah empat segi 60 x 60 x 60 sentimeter. Manakala maksud air yang banyak ialah air yang cukup dua *qullah* atau lebih. Maksud sifat air pula ialah rasa, warna dan baunya.

Mengenai dengan air *mutanajjis* itu, jika terkena pada pakaian, badan atau tempat orang yang hendak mengerjakan sembahyang, maka ia boleh menyebabkan sembahyang tidak sah kerana antara syarat sah sembahyang itu ialah suci pada badan, pakaian dan tempat sembahyang daripada najis.

Adapun percikan air dari tempat laluan pula apabila menimpa pakaian seseorang yang hendak mengerjakan sembahyang, sebahagian orang beranggapan bahawa pakaian yang terkena percikan air dari tempat laluan itu boleh sahaja dipakai untuk

mengerjakan sembahyang dan ia tidak menjelaskan kesahan sembahyangnya. Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenai perkara tersebut.

Mengenai dengan hukum percikan air dari tempat laluan ini, para ulama telah pun menggariskan tatacara untuk menetapkan hukumnya dan perkara yang utama ialah keyakinan akan kebersihan percikan air tersebut. Tidak dinafikan bahawa di tempat laluan itu sebahagiannya adalah diketahui akan terdapatnya benda-benda yang dikategorikan sebagai najis seperti tempat kebiasaan anjing berkumpul dan berehat, tempat binatang membuang najis dan seumpamanya.

Jika percikan air di tempat laluan itu tidak diyakini akan kenajisannya, maka percikan air tersebut adalah suci menurut hukum syara'. Apabila seseorang itu hendak mengerjakan sembahyang dalam keadaan sedemikian, maka dia tidak wajib membersihkannya dan sembahyangnya sah. Namun apabila dia yakin akan kenajisannya, maka percikan air tersebut adalah najis. Jika dia mengerjakan sembahyang dalam keadaan sedemikian, sembahyangnya pada hukum asalnya tidak sah.

Walau bagaimanapun, mengenai dengan percikan air di tempat laluan yang diyakini kenajisannya (air *mutanajjis*) ini ada kalanya dimaafkan tertakluk kepada bagaimana percikan air itu terjadi.

Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* ketika mensyarahkan perkara mengenai tanah tempat laluan (طن الشارع) dalam Hasyiah asy-Syarwani bagi Iuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj ada menyebut:

Ertinya: Dan dari apa yang termasuk dalam (maksud) tanah tempat laluan itu ialah air hujan yang jatuh atau air semburan

pada tempat laluan dan anjing-anjing lalu dan tidur berehat padanya, sehingga diyakini kenajisannya (air hujan atau air semburan), bahkan begitu juga kalau (anjing-anjing itu) berkemih padanya dan kemihnya bercampur dengan tanahnya (tempat laluan) atau airnya (tempat laluan) sehingga tidak lagi ada 'ain najis yang nyata (tidak lagi boleh dibezakan antara 'ain najis dengan tanah atau air kerana percampurannya), maka apa-apa yang sukar untuk mengelakkan daripadanya (tanah, air hujan yang jatuh atau air semburan pada tempat laluan yang diyakini kenajisannya), ia dimaafkan.

Berdasarkan penjelasan di atas dapat difahami bahawa tanah, air hujan yang jatuh atau air semburan pada tempat laluan yang diyakini bercampur najis itu jika terkena pada pakaian atau badan kerana sukar dielakkan lalu seseorang itu mengerjakan sembahyang dengan pakaian sedemikian, maka sembahyangnya adalah sah kerana najis tersebut dimaafkan. Termasuk dalam maksud sukar dielakkan itu ialah tempat laluan tersebut merupakan tempat laluan yang mestil dilalui dan tidak ada laluan lain sebagai pilihan bagi mengelak terkena tanah, air hujan yang jatuh atau air semburan pada tempat laluan yang diyakini bercampur najis itu. Adapun jika yang terkena itu nyata 'ain najisnya, seperti tahi atau air kencing, maka ia tidak termasuk dalam najis yang dimaafkan.

Kadar yang dimaafkan dari percikan air *mutanajjis* yang kena pada pakaian atau badan itu ialah kadar yang sedikit sekira-kira tidak dianggap orang tersebut jatuh atau tersungkur di tempat laluan yang bercampur najis itu atau tidak dianggap dia kurang menjaga dirinya daripada terkena najis.



IRSYAD HUKUM

جناح مفتى كل جان
جناح فرقان متني كل روند دل مسلمان

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah* ada ditanya tentang hukum air hujan yang menimpah pakaian dan kaki seseorang yang lalu di tempat laluan yang tidak bertanah tetapi dipenuhi dengan najis. Maka beliau menjawab:

Ertinya: Dimaafkan dari apa yang dinyatakan (keadaan) pada tempat laluan itu apa yang sukar untuk mengelak daripadanya (najis tersebut), kerana (najis itu) meratai seluruh jalan, dan dia tidak dianggap (keadaan) orang yang jatuh atau tersungkur di tempat laluan yang bercampur najis itu atau dianggap dia kurang menjaga (daripada terkena najis).

Demikian penjelasan mengenai percikan air *mutanajjis* yang dimaafkan.

PENGUMUMAN BAGI KEPUTUSAN TAWARAN TERTUTUP TPK

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa keputusan Tawaran Tertutup Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) bagi tiga dan empat angka Siri BBJ melalui Click-and-Bid akan diumumkan melalui laman sesawang NomborKu: www.nomborku.gov.bn pada Selasa, 14 Januari 2025.

Semua penender yang telah mengikuti Tawaran Tertutup TPK sama ada berjaya atau sebaliknya juga akan menerima e-mel mengenai keputusan tawaran melalui e-mel yang telah didaftarkan bersama jabatan ini.

Penender yang berjaya adalah dikehendaki untuk mematuhi terma dan syarat seperti berikut :

Penender yang berjaya hendaklah membayar keseluruhan harga tawaran dan mendaftarkan TPK di atas nama penender sendiri tidak lewat satu bulan dari tarikh menerima Surat Berjaya; Jika penender yang berjaya gagal membuat pembayaran penuh, maka TPK yang dimenangi akan dibatalkan secara automatik dan Caj Perkhidmatan tidak akan dikembalikan.

Permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar TPK bolehlah dipohonkan setelah bayaran penuh dijelaskan dan

dihadapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan.

Setelah pembayaran berjaya dibuat, sekiranya pemohon belum mendaftarkan TPK dan berhasrat untuk menyimpan TPK, penahanan (Holding) TPK bolehlah dibuat dengan jumlah bayaran penahanan sebanyak BND20 bagi tempoh setiap satu tahun Penahanan. Tempoh minima bagi Penahanan adalah satu tahun dan maksima 10 tahun tertakluk kepada jangka masa yang dipilih bagi setiap TPK.

Pembayaran TPK berjaya dan penahanan TPK boleh dilaksanakan secara dalam talian atau di mana-mana kaunter perkhidmatan JPD kecuali di Kompleks Litar Latihan dan Ujian Memandu JPD Sungai Akar.

Jika penender yang berjaya ingin menyerahkan TPK berkenaan, pensyarat perkhidmatan serah bagi TPK tiga dan empat angka adalah seperti berikut:

Perkhidmatan serah TPK tiga dan empat angka dibenarkan kepada sesiapa sahaja lebih daripada satu kali sama ada melalui perkhidmatan serah TPK sahaja atau perkhidmatan serah TPK melalui tukar milik kenderaan.

Permohonan serah sama ada melalui perkhidmatan serah TPK

atau perkhidmatan serah tukar milik kenderaan selepas tempoh 12 bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan, permohonan yang dibenarkan akan dikenakan caj perkhidmatan sebanyak BND5.

Permohonan serah sama ada melalui perkhidmatan serah TPK atau perkhidmatan serah tukar milik kenderaan kurang daripada tempoh 12 bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan, permohonan yang dibenarkan akan dikenakan caj perkhidmatan sebanyak BND100.

Bagi permohonan serah sama ada melalui perkhidmatan serah TPK atau perkhidmatan serah tukar milik kenderaan yang telah diproses dan dibenarkan, caj perkhidmatan tidak akan dikembalikan (*non-refundable*).

JPD sukacita ingin mengucapkan tahniah kepada semua penender yang berjaya dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penender atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui WhatsApp +673 7181641 atau e-mel hello@jpd.gov.bn. Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.jpd.gov.bn dan Instagram @jpd.bn bagi maklumat lanjut.



ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBASAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

DORONG PRODUKTIVITI, ELAK PENGARUH NEGATIF DALAM MELAKSANAKAN PEKERJAAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Orang yang mempunyai pandangan positif terhadap kehidupan sentiasa berharap dan cuba melihat yang terbaik, walaupun ketika berada dalam situasi yang genting dan mencabar akal fikiran.

Walau bagaimanapun, mempunyai sikap negatif boleh mendorong seseorang individu itu ke dalam kemerosotan yang mengubah produktiviti, kerjaya dan banyak lagi.

Perlu diingat, mempunyai sikap positif tidak bermakna seseorang itu tidak tertekan dan mereka harus tahu bagaimana untuk mengatasi tekanan dengan cara yang lebih sihat.

Antara cara yang boleh mengekalkan sikap positif di tempat kerja adalah dengan mengamalkan rutin pagi dengan penjagaan diri dan memulakan hari dengan aktiviti yang membantu awda berasa tenang dan fokus.

Rutin pagi boleh meningkatkan produktiviti dengan mengutamakan tugas dan menguruskan masa dengan lebih berkesan dan ini dapat mengelakkan perasaan berserabut atau tidak bermatlamat, yang boleh membawa kepada pemikiran

negatif. Sebaliknya, mendekati tugas dengan tujuan dan niat, boleh membawa kepada hari kerja yang lebih positif dan produktif.

Selain itu, bersikap terbuka untuk belajar boleh membantu seseorang individu untuk mendekati cabaran dengan minda pertumbuhan. Menjadi terbuka kepada idea, kemahiran dan pengetahuan baharu boleh membantu memastikan awda terlibat dan bermotivasi. Meskipun mempelajari perkara-perkara mencabar fikiran tetapi ia juga boleh memberi ganjaran yang memuaskan.

Membina hubungan yang sihat dengan rakan sekerja juga boleh menjadi faktor utama dalam mengekalkan sikap positif di tempat kerja. Apabila kita mempunyai hubungan positif dengan rakan sekerja, ia akan lebih cenderung untuk merasa disokong, dihargai dan terlibat dalam kerja.

Hubungan positif dapat membantu mewujudkan rasa persahabatan dan kerja berpasukan, yang boleh membawa kepada persekitaran kerja yang lebih positif dan kolaboratif.

Mengambil rehat kecil sepanjang hari kerja juga boleh

menjadi cara yang berkesan untuk mengekalkan sikap positif di tempat kerja. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa mengambil rehat yang kerap boleh membantu mengurangkan tekanan dan meningkatkan produktiviti.

Apabila kita mengambil masa untuk berehat, otak dan badan akan berpeluang untuk berehat dan mengisi semula, yang boleh membantu berasa lebih fokus dan bertentara apabila kembali bekerja. Di samping itu, berehat boleh membantu mencegah keletihan dan keletihan, yang boleh menyumbang kepada pandangan negatif.

Salah satu hal yang dapat dikawal adalah dengan memilih untuk mengawal pola fikir dan suasana hati kita. Dengan kawalan tersebut, secara tidak langsung, kita tetap memiliki motivasi yang tinggi dan semangat yang tidak surut apabila menghadapi cabaran yang terjadi.

Keadaan ini terutamanya di pejabat, iaitu 'rumah kedua' kita. Sekurang-kurangnya lapan jam sehari, kita akan berada di tempat kerja atau pejabat iaitu tempat sumber untuk kita mencari rezeki.

Setiap pekerja di tempat kerja memiliki berbagai karakter dan keperibadian yang berbeza-beza dengan berbagai latar belakang serta kebiasaan hidup



RUTIN pagi boleh meningkatkan produktiviti dengan mengutamakan tugas dan menguruskan masa dengan lebih berkesan dan ini dapat mengelakkan perasaan berserabut atau tidak bermatlamat, yang boleh membawa kepada pemikiran negatif.

masing-masing. Pola fikir, tindakan dan kebiasaan mereka boleh menjadi pengaruh yang positif maupun negatif bagi diri sendiri.

Kesimpulannya, mempunyai sikap positif di tempat kerja adalah penting. Walau bagaimanapun, kita perlu berusaha dan bekerja untuknya. Ini bukan sesuatu yang boleh berlaku dalam sekilip mata, kerana ia menggunakan masa dan perlu bekerja keras untuk mendapatkan sikap positif ini.

Yakin bahwa diri kita dapat

melakukan yang terbaik dengan pekerjaan yang telah dianamahkan. Kita memiliki kecekapan dan kemampuan tersendiri untuk menyelesaikan setiap tugas melalui kreativiti dan daya usaha.

Dalam setiap kegagalan, akan ada kesempatan untuk berkembang apabila kita dapat melihatnya. Luangkan waktu untuk merenungkan setiap kegagalan dan melihat setiap kesempatan untuk maju.



MINDA PEMBACA

Memacu pembangunan Sektor Ekopelancongan

MEMACU pembangunan Sektor Ekopelancongan adalah satu langkah penting dalam memastikan keseimbangan antara pemeliharaan alam sekitar dan kemajuan ekonomi. Ekopelancongan merujuk kepada aktiviti pelancongan yang menekankan pemeliharaan alam semula jadi dan budaya setempat, sambil memberikan manfaat kepada komuniti tempatan. Dalam konteks pembangunan sektor ini, beberapa inisiatif boleh diambil untuk memastikan kejayaannya.

Pertama, pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan ekopelancongan perlu dipertingkatkan. Pelancong dan komuniti tempatan harus diberi maklumat mengenai amalan pelancongan lestari yang boleh

membantu menjaga alam sekitar. Dengan mendidik orang ramai tentang cara-cara untuk melindungi ekosistem, ia dapat mengurangkan kesan negatif yang disebabkan oleh aktiviti pelancongan seperti pencemaran dan pemusnahan habitat semula jadi.

Selain itu, kerjasama antara sektor awam dan swasta sangat penting. Kerajaan boleh menyediakan insentif dan sokongan kepada pengusaha pelancongan yang mengamalkan prinsip ekopelancongan seperti memberi geran untuk pembangunan infrastruktur yang mesra alam. Syarikat pelancongan juga perlu diberi pendedahan mengenai kaedah yang lebih mampan untuk menjalankan operasi mereka, seperti menggunakan tenaga boleh diperbaharui,

mengurangkan penggunaan plastik, dan menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar.

Membangunkan destinasi ekopelancongan yang menawarkan pengalaman unik dan mendalam tentang alam semula jadi juga amat penting. Ini boleh dilakukan dengan mengenal pasti kawasan-kawasan semula jadi yang bernilai tinggi dan melibatkan komuniti tempatan dalam pengurusan destinasi. Pembangunan infrastruktur pelancongan yang mesra alam dan selaras dengan keperluan pemuliharaan juga perlu diberi perhatian agar ia tidak mengganggu ekosistem yang ada.

Selain itu, pelaburan dalam penyelidikan dan inovasi juga memainkan peranan penting dalam

memacu pembangunan sektor ini. Penyelidikan tentang cara-cara terbaik untuk mengintegrasikan pelancongan dengan pemeliharaan alam sekitar perlu diperhebatkan. Ini termasuk pembangunan teknologi hijau, serta teknik baharu dalam pengurusan destinasi dan pengurangan jejak karbon.

Secara keseluruhan, memacu pembangunan Sektor Ekopelancongan memerlukan pendekatan yang holistik, melibatkan kerjasama semua pihak, dan memberi fokus kepada kelestarian alam sekitar. Ini akan memastikan bahawa manfaat ekonomi dapat dicapai tanpa menjaskam kesejahteraan alam sekitar dan komuniti tempatan.

Nama : Mohammad Azrin bin Mohammed Asli
No. K/P : 01-082XXX



Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Pembaziran Merugikan Masyarakat, Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 15 Januari 2025
- 2.'Kepimpinan Bermula Dari Diri Sendiri'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2025
- 3.'Perpaduan Kunci Pembangunan'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2025

Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3.Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

دعا ممohen كفـد الله سقـاي قـرسـلامـة

درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـيـاـكـيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنْنَا وَبِاللَّهِ
أَحْتَسِنْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعَزَّةِ وَاجْبَرُوْتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَبَبِ
الْأَسْفَاقِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan ania). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُنَا
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي
إِلَهٍ يَأْذِنُ لَهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran air hujan rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحُوَاجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوِجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٌ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبْوُءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبْوُءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بچاءن يعْ مباوا اكبرا ونتوغن ساعثت بسر كقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurnikannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَسِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
21 Januari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 Februari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 001 / 2025

Nama Projek:
Menaik Paras Jalan Tutong
Berdekatan Sungai Kelakas
Mukim Keriam, Daerah Tutong

No. Projek
2025 / 26 JKRTUT / TRM /
2106 - 01

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV, V & VI sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
21 Januari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 Februari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 002 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penurapan
Semula Jalan Kuala Tutong
Di Daerah Tutong

No. Projek
2025 / 26 JKRTUT /
TRM / 2106 - 02

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
VI

Kategori :
B01, KA01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
18 Februari 2025.

Yuran Tawaran:
BND2000.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 44 / CQS /
2024-T / VI

Nama Projek:
Bangunan Tambahan RTB –
Pembinaan Blok Operasi
Penyiaran dan Dewan
Serbaguna Studio
Di Kompleks Penyiaran RTB
Sungai Akar – Design And Build

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
15 April 2025.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II (II & III) Sahaja

Kategori :
KA01 & E05 Sahaja – Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
21 Januari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 Januari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 001 / 2025 – (CDE).T.II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pemindahan Kabel
Elektrik, HV dan LV
Di Spg.415-73 Wasai Limuru
(Kerja-Kerja Segera)

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[KA01 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
28 Januari 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup :
4 Februari 2025 (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam :
2.00 Petang.

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 002 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Kerja-Kerja Penyucian Tangki
Di Tangki-Tangki Zone A,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam
Selama 36 Bulan

2. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 003 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Kerja-Kerja Penyucian Tangki
Di Tangki-Tangki Zone B,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam
Selama 36 Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen: -



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 141 / 24 – 25
Perkhidmatan Penggambaran dan
Pos Produksi (Penyuntingan)
Bagi Rancangan Dakwah,
Bahagian Rancangan TV,
Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu, 22 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Tawaran 1:
JPH / 1207-003 / TAW / 394 /
2024 - 2025
Membekal Anak Benih Hutan Bagi
Projek Penghijauan Di Zon A,
Hutan Simpan Berakas

Tawaran 2:
JPH / 1207-003 / TAW / 395 /
2024 - 2025
Projek Penghijauan Di Zon A,
Hutan Simpan Berakas

Yuran Tawaran:
BND105.00 bagi setiap
satu tawaran
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 28 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Rujukan Iklan:
CCTVUPER / 2025 / JAPEM / RB

Tajuk Iklan:
The Proposal, Installation,
Configuration, Commissioning,
Testing, Training And Maintenance
Of CCTV Surveillance System
At Rumah Perlindungan
Kompleks Rumah Kebajikan
Subok Jabatan
Pembangunan Masyarakat

Tarikh Tutup :
Selasa,
25 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

**Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 030 / 2024

Tajuk Tawaran:
Technical Maintenance of
Beribi Substation GIS Over
A Period of Two Years

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 Februari 2025.
2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
“Tender Box”
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Syarikat Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Dalam Kelas 3,4 Atau 5 Dan
Mempunyai Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan yang lanjut bolehlah
diperolehi dari Bahagian Kaunter
Unit Tawaran dan Sebut Harga,
Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan
Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian:
Sila sertakan salinan “BUSINESS
NAMES ENACTMENT, 1958 –
SECTION 16 & 17” dan Sijil
Pendaftaran Pemborong (MOD),
semasa menghantar dokumen ini
ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

- 1. DA / JKSH / 172 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Berakas Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok A] Harga Sewa Kantin: 6 Bulan Pertama : BND 497.00 (Sebulan) 4 Bulan Terakhir : BND 994.00 (Sebulan)

2. DA / JKSH / 173 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok A] Harga Sewa Kantin: 6 Bulan Pertama : BND 761.50 (Sebulan) 4 Bulan Terakhir : BND 1,523.00 (Sebulan)

3. DA / JKSH / 174 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok B] Harga Sewa Kantin: 6 Bulan Pertama : BND 761.50 (Sebulan) 4 Bulan Terakhir : BND 1,523.00 (Sebulan)

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu, 25 Januari 2025.
(Jam 9.00 Paggi)



INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA

Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHEU / ITQ / T / 2105 (2024 - 2025)
Tawaran Membekalkan Satu (1) Unit Kenderaan 11 Penumpang Bagi Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, KHEU

Tarikh Tutup Dilanjutkan:
Selasa,
4 Februari 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.

1. DA / JKSH / 152 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddien, Muara Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Harga Sewa Kantin : BND193.00

2. DA / JKSH / 153 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Pechin Datu Seri Maharaja, Mentiri Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok A] Harga Sewa Kantin : BND 793.00

3. DA / JKSH / 154 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Katok Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok B] Harga Sewa Kantin : BND 802.00

4. DA / JKSH / 155 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Panaga Daerah Belait Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin : BND 274.00

5. DA / JKSH / 156 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Selangan Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin : BND 56.00

6. DA / JKSH / 157 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Rataie Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin : BND 208.00

7. DA / JKSH / 158 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Sinaut Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin : BND 87.00

8. DA / JKSH / 159 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Pengiran Muda Mahkota, Kampung Penabai Kuala Tutong, Daerah Tutong

9. DA / JKSH / 160 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Pintu Malim Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin : BND 190.00

10. DA / JKSH / 161 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Lumapas Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin : BND 324.00

11. DA / JKSH / 162 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata, Gadong Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin : BND 325.00

12. DA / JKSH / 163 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Panglima Berudin Limau Manis Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin : BND 214.00

13. DA / JKSH / 164 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Hajji Mohamad Salleh Sungai Hanching Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin : BND 270.00

14. DA / JKSH / 165 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Rimba III, Jalan 99 Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin : BND 344.00

15. DA / JKSH / 166 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Beribi Telanai Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin : BND 372.00

16. DA / JKSH / 167 / 2024 / 2025 [BPPA-JAN-2025]

Jalan 99, Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
Harga Sewa Kantin :
BND 1,093.00

- Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Tumpuan Telisai
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
Harga Sewa Kantin : BND 220.00

20. DA / JKSH / 171 / 2024 / 2025
[BPPA-JAN-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Sekolah Menengah Tanjong Maya
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok B]
Harga Sewa Kantin : BND 378.00

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
25 Januari 2025.
(Jam 9.00 Pagi)



PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

+673 2383400
sambungan Meig Iklan

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MEMENJALU IKLAN TERSEBUT.**

BUANG IKLAN ADALAH TERHAD

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / TL / 003
[JPPK / LTK / 22 / 2024]
Proposed Design
and Build Of New
Main Gate Muara
Naval Base

Tarikh Mula Tawaran:
13 Januari 2025.

Kelas:
II dan ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 atau B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua (02) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Hari Selasa, 28 Januari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
4 Februari 2025.
2.00 Petang.

BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
(39) BKN / (DAF) / PENT /
55 Pt. 6

Tawaran Bagi:
Membekalkan Catuan
Makanan Bagi Pusat Al-Islah,
Biro Kawalan Narkotik,
Jabatan Perdana Menteri
Selama 2 Tahun
(24 Bulan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
28 Januari 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
REN / 03 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for
A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
REN / 04 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for
A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
VAK / 03 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for
A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 28 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for
A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 34 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for
A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 36 / 2024 /
PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for
A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND1,000.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 38 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for

JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

1. Keterangan Projek:
Supply And Delivery Office
Equipment For Bahagian
Kewangan Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria

Bilangan Tawaran:
29 / BBS / SH(K) / 2024 - 2025

2. Keterangan Projek:
Supply And Delivery Black Vest
With Reflector And Wordings For
Bahagian Kewangan
Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria

Bilangan Tawaran:
30 / BBS / SH(K) / 2024 - 2025

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup :
Selasa,
28 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.



A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 39 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for
A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 40 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for
A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 46 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for
A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND1,000.00

JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Tawaran Perkhidmatan Bagi
Sekolah Ugama Dan Arab
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwah Ugama
Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun

Sekolah Arab

1. No Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN-A / 03 / 06

Nama

Sekolah Arab:

Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran
Anak Hajah Saleha, Katok

Bayaran:

BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

Sekolah Ugama

1. No Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 29 / 06

Nama

Sekolah Ugama:

Sekolah Ugama Pengiran Anak
Puteri Majeedah Nuurul Bolkiah,
Kampong Kilanas, Kawasan
Brunei III

Bayaran:

BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :

Rabu,
15 Rejab 1446H /
15 Januari 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
DRG / 49 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for
A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 54 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Medicines for Department of
Pharmaceutical Services for
A Period of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di
Negara Brunei Darussalam

Kelas:
II, III & IV

Kategori:
B01 & E1

Tarikh Buka
Tawaran pada :
30 Disember 2024.
(Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
21 Januari 2025.
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada :
28 Januari 2025.
(Selasa)
Sebelum jam 2.00 Petang.

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BTR / T017 / 2024
Cadangan Bagi Pembinaan
Konkrit Slab Baharu Untuk Gerai
Perniagaan dan Membekalkan
Kelengkapan Perabot Di Kawasan
Yang Ditetapkan Di Taman
Rekreasi Pantai Muara.

No. Projek:
JASTRE / BTR / T017 / 2024

Jumlah
Yuran Tawaran:
BND30.00
(Non Refundable)



Tarikh
Tutup:
Selasa,
21 Januari 2025.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



جوالن سالينان كنهر ۲ ديكنيتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam [laman galeri Infofoto \(www.infofoto.gov.bn\)](http://www.infofoto.gov.bn)

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Paggi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Paggi – 11.00 Paggi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebijii
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijii ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

NUKA 6

PELITA BRUNEI, Rabu 6 Januari, 1965

Perlumbaan Berjalan Kaki Anjoran P. T. N. B. -- 28 Februari, 1965

BANDAR BRUNEI.—Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh terbuka kapada pelumba2 lelaki dan perempuan di-seluroh Negeri Brunei akan di-adakan pada 28 Februari, 1965 di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei.

Perlumbaan untuk peserta2 lelaki ia-lah sa-jauh 17 batu dari Pekan Muara hingga ka-Bandar Brunei.

Perlumbaan untuk peserta2 wanita ia-lah se-jauh 7½ batu dari hadapan Sekolah Melayu Sungai Hanching ka-Bandar Brunei.

Perlumbaan tersebut di-bahagi-kan kapada 5 Bahagian, ia-itu seperti berikut:

(a) Wanita - Peserta2 hendak-lah berumur 12 tahun ka-atas.
(b) Bahagian "Junior" Pe-serta2 hendak-lah berumur 16 tahun ka-bawah.

(c) Bahagian Senior - Peserta2 hendak-lah berumur 16 tahun ka-atas dan tidak lebih dari 40 tahun.

(d) Bahagian Orang2 Tua - Peserta2 hendak-lah berumur 40 tahun ka-atas.

(e) Bahagian Pasukan Ten-ter2 Inggeris - Umur peserta2 tiak-lah di-hadkan.

Selain dari itu, akan di-adakan juga Perlumbaan Berpasukan.

Tiap2 Maktab, Sekolah, Per-sekutuan atau pun Pertubuhan di-benarkan memasuki satu pa-sukan sahaja dan tiap2 pasukan itu mesti-lah mengandungi 10 orang.

Bayaran masuk bertanding ia-lah \$1 untuk peserta2 dewasa dan 50 sen untuk murid2 sekolah.

Segala permohonan masuk berlumba hendak-lah di-alamat-kan kapada Awang S. Palan-iydy, Peti Surat 537, Bandar Brunei atau d/a Jabatan Elekt-k; Bandar Brunei atau pun ipada Awang Chua Kong Heng, a Pejabat Sharikat Minyak hell Brunei Berhad, Jalan altan, Bandar Brunei.

Permohonan2 itu hendak-lah bantarkan kapada Awang uniydy atau pun kapada awang Kong Heng, sa-bbelum 1 Januari, 1965.

CHATETAN: Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh tersebut di-jadualkan berlangsung pada 6 Disember, 1964. Akan tetapi, oleh kerana beberapa sebab yang telah tidak dapat di-elakkan, maka tarikh perlumbaan tersebut di-tunda ka-pen-ghujong bulan Februari, tahun ini.

PENGUMUMAN JABATAN UKOR

Dengan sukachita di-beri tahu kapada orang ramai, bahawa Jabatan Ukor Brunei sedang sibok memulakan ranchagan-nya menyiapkan segala peta2 tanah di-seluroh Negeri ini yang sudah di-ukor sejak 1952.

Di-samping itu juga, jabatan tersebut sedang sibok membuatkan peta2 yang di-per-lukan oleh lain2 Jabatan di-kawasan Bandaran serta juga seluroh Negeri ini.

Dengan sebab ini permohonan tuan2 tanah yang sedang mem-bahagi atau yang akan mem-bahagi (Sub-division), tidak-lah akan di-layani jika mereka ber-kehendakan keistimewaan (Se-gera.), melainkan pekerjaan per-mohonan itu hanya akan di-layan dengan jalan mengikut giliran permohonan masing2 sahaja.

Memandang banyak-nya per-mohonan ukoran dan pembahagi-an tanah dari seluroh Negeri ini di-terima, maka pembahagian (Sub-division) dan ukoran (Land application) tiap2 tanah itu hanya di-anggarkan akan siap di-buat sa-kurang2-nya selama 5 bulan dari tarikh Jabatan ini menerima kertas permohonan itu dari Jabatan Tanah.

Ajlis Sambutan Awal Tahun 1965

ANDAR BRUNEI.—Pega-1 dan anggota2 Kelab Peralu-yar Di-Raja Brunei (Royal Brunei Yacht Club) telah menyambut lahir-nya Tahun Baharu 1965 dengan mengadakan satu Pesta Tari Menari di-bangunan Kelab tersebut pada malam 31 Disember, 1964.

Di-antara ramai para hadhirin di-ajlis itu ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Awang E. O. Laird.

Terutama Awang E. O. Laird.

Satu jam sa-bbelum menjelang Tahun Baharu 1965, kebanyakan dari para hadhirin, lelaki dan perempuan, telah mengambil bahagian dalam Peraduan Pa-kai-an Beragam.

Hadih2 kapada pemenang2 dalam peraduan tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Teruta-ma Awang E. O. Laird.

Waktu2 Sembahyang, Amsak Dan Mata-Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6 Januari hingga ka-hari Selasa 19 Januari, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari Bulan	Amsak	Suboh	Matahari	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
6	4.58	5.13	6.30	12.31	3.51	6.27	7.41
7	4.58	5.13	6.30	12.31	3.51	6.27	7.41
8	4.59	5.14	6.31	12.32	3.52	6.28	7.42
9	4.60	5.14	6.31	12.32	3.52	6.28	7.42
10	5.01	5.15	6.32	12.33	5.53	6.29	7.42
11	5.01	5.15	6.32	12.33	5.53	6.29	7.42
12	5.01	5.15	6.32	12.34	3.54	6.30	7.43
13	5.01	5.15	6.32	12.34	3.54	6.30	7.43
14	5.02	5.16	6.33	12.35	3.55	6.31	7.43
15	5.02	5.16	6.33	12.35	3.55	6.31	7.43
16	5.03	5.17	6.34	12.35	3.55	6.31	7.43
17	5.03	5.17	6.34	12.36	3.56	6.32	7.44
18	5.04	5.18	6.35	12.36	3.56	6.32	7.44
19	5.04	5.18	6.35	12.36	3.56	6.32	7.44

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hen-dak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

Hari2 Kelepasan Awam 1965

Ada-lah dengan ini di-beritahu bagi pengetahuan ramai bahawa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah meng-ishtiharkan hari2 yang berikut di-anggap sebagai hari2 kelepasan di-Negeri Brunei bagi tahun 1965:—

Hari Tahun Baharu	Hari Sabtu 2 Januari (sebagai ganti hari Juma'at 1 Januari)
*Hari Pertama bagi bulan Puasa	Hari Ithnin 4 Januari (sebagai ganti hari Ahad 3 Januari)
Hari Raya China	Hari Thalatha 2 Februari
*Hari Raya Puasa dan hari berikutnya	Hari Thalatha 2 Februari dan hari Rabu 3 Februari
*Hari Raya Haji dan hari berikutnya	Hari Ithnin 12 April dan Hari Thalatha 13 April (sebagai ganti hari Ahad 11 April)
*Hari Tahun Baharu Islam (1 Muhamar)	Hari Sabtu 1 Mei
Hari Keputeraan Baginda Queen	Hari Sabtu 12 Jun
*Maulud	Hari Sabtu 10 Julai
Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan	Hari Khairis 23 September
Hari Perlembagaan	Hari Rabu 29 September
*Me'Raj	Hari Sabtu 20 November
Hari Christmas dan hari berikutnya	Hari Sabtu 25 Disember dan Hari Ithnin 27 Disember (sebagai ganti hari Ahad 26 Disember)

*Tertalok kapada perubahan

JENESYS2024 : MENDALAMI PENGETAHUAN TENTANG JEPUN, RANTAU ASEAN



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

PARA pelajar semasa sesi bergambar ramai sebelum bertolak bagi menyertai JENESYS Inbound Program : JENESYS2024 – JAPAN Students Conference mulai 14 hingga 21 Januari 2025.

menggalakkan persefahaman dalam aspek ekonomi, masyarakat, sejarah, kepelbagaiannya budaya, politik dan hubungan diplomatik Jepun dalam kalangan pelajar.

Awang Muhamad Kamal Shukri bin Mohamad Kamal dari Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Dayang Aisyah binti Muhamad Yusop dan Dayang Ayeesatul Aliah binti Haji Ali Asgar, dari Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah akan mewakili UNISSA dalam program berkenaan untuk mendalami pengetahuan mereka tentang hubungan antara Jepun dan rantau ASEAN.

Mereka juga akan turut sama membincangkan topik yang berkaitan, iaitu Education and Cultural Preservation, Energy and Climate Change dan Maritime Security and Rule of Law.

3 buruh dipercayai lari daripada majikan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

HIDZUL Islamy, 24 tahun dengan nombor pasport E07020415.



SERIA, Selasa, 14 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan tiga orang buruh dipercayai lari daripada majikan.

Kesemua mereka adalah lelaki warganegara Indonesia iaitu Rizky Anwar, berusia 21 tahun dengan nombor pasport E0593764; Hidzul Islamy, 24 tahun dengan nombor pasport E07020415 dan Suherman, 35 tahun dengan nombor pasport E7612226.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Seria

menerusi talian +673 3222612 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



RIZKY Anwar, berusia 21 tahun dengan nombor pasport E0593764.



SUHERMAN, 35 tahun dengan nombor pasport E7612226.

NBD terima kunjungan sulung kapal persiaran Norwegian Sky

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan



PARA pengunjung disambut meriah dengan persembahan hadrah menciptakan suasana lawatan yang tidak dapat dilupakan (atas). Sementara gambar bawah, Norwegian Sky adalah kapal persiaran yang pertama tiba pada tahun 2025.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri pelancongan pelayaran dengan ketibaan Norwegian Sky, kapal persiaran pertama bagi tahun 2025 dan lawatan sulungnya ke negara ini.

Memulakan pelayaran dari Saigon, Viet Nam, kapal berkenaan membawa seramai 1,918 penumpang dan 837 anak kapal sebelum berlepas ke Kota Kinabalu.

Para pengunjung disambut meriah dengan persembahan hadrah menciptakan suasana lawatan yang tidak dapat dilupakan.

Semasa berada di NBD, para pengunjung meneroka mercu tanda ikonik di negara ini seperti Istana Nurul Iman, Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Kampong Ayer serta mengenali kekayaan warisan dan budaya NBD.

Para pengunjung juga berpeluang menikmati hidangan makanan tempatan dan membeli

cenderamata NBD di Pusat Kapal Persiaran, membawa pulang kenangan abadi pengalaman mereka di NBD.

Beberapa penumpang berkongsi pengalaman singkat mereka sepanjang berada di NBD.

Susan dari Honolulu, Amerika Syarikat mengagumi persekitaran bersih negara ini dan kemesraan penduduknya.



Sementara, Cindy Hau dari Filipina pula berasa gembira kerana berkesempatan melawat Istana Nurul Iman, Muzium Alat Kebesaran Diraja dan Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Dia memuji kebersihan NBD dan menyatakan minat untuk kembali membuat lawatan ke NBD untuk tempoh yang lebih lama.

Manakala Mike dari California pula menyatakan NBD begitu menyenangkan dan menyeronokkan selepas berpeluang mengunjungi Muzium Alat Kebesaran Diraja, Kampong Ayer dan tempat menarik yang lain. Beliau sangat mengesyorkan NBD sebagai destinasi pelancongan kepada orang ramai.

Sejak 2023, termasuk ketibaan kapal persiaran berkenaan, NBD menjadi tuan rumah kepada 19 kapal persiaran, mengukuhkan reputasinya sebagai destinasi pelayaran yang semakin meningkat.

Norwegian Sky merupakan yang pertama daripada sekurang-kurangnya 11 ketibaan kapal persiaran yang dijangkakan untuk 2025.

Jabatan Kemajuan Pelancongan berharap untuk mengalu-alukan kapal seterusnya, MV Zhao Shang Yu Dun, yang dijadualkan untuk memasuki perairan NBD pada 28 Januari 2025 nanti.



Hidup sihat melalui riadah berjalan kaki

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Jabatan Penerangan

RIADAH berjalan kaki adalah salah satu bentuk aktiviti fizikal yang paling mudah dilakukan untuk semua orang tanpa mengira had umur atau tahap kecergasan. Walaupun sering diabaikan dalam kehidupan sehari-hari, berjalan kaki mempunyai banyak manfaat terutama sekali kepada kesihatan anggota badan. Ramai yang menganggap bahawa berjalan kaki adalah aktiviti biasa atau sesuatu yang hanya dilakukan jika perlu sahaja. Walau bagaimanapun, pada dasarnya, berjalan kaki adalah cara yang paling berkesan untuk meningkatkan kesihatan fizikal dan mental.

Riadah berjalan kaki ini lebih seronok jika dilakukan secara berkumpulan bersama kawan-kawan, pasangan ataupun keluarga. Ia tidak memerlukan masa yang lama, cukup hanya 30 minit atau satu jam berjalan keliling kawasan perumahan sebelum melakukan rutin kerja harian. Dengan mengamalkan berjalan kaki ke dalam rutin harian bukan sahaja dapat membantu kita kekal cergas malah juga membolehkan kita meneroka pemandangan yang indah dan menarik serta dapat menghirup udara yang segar.

Faedah berjalan kaki

Antara faedah berjalan kaki yang boleh

diperoleh ialah dapat menguatkan tulang dan otot serta melepaskan *endorphins* yang membantu meningkatkan mood dan mengurangkan tekanan. Selain itu, ia juga dapat membantu dalam penurunan atau pengurusan berat badan dan meningkatkan kualiti tidur. Berjalan kaki juga mampu mendapatkan fungsi kognitif yang lebih baik, termasuk memori dan konsentrasi juga meningkatkan kualiti hidup. Pakar juga berpendapat berjalan kaki mampu mengurangkan risiko beberapa jenis kanser dan mengurangkan risiko osteoporosis dan kejatuhan (untuk warga emas) serta mengurangkan risiko tekanan darah tinggi dan penyakit kronik seperti Diabetes Jenis 2, penyakit jantung dan strok.

Bantu membakar kalori

Berjalan kaki juga dapat membantu membakar kalori terutama sekali 10,000 langkah sehari secara berterusan mampu mengurangkan 64 gram lemak dalam badan. Langkah ini boleh dikira melalui aplikasi seperti BruHealth. Walaupun intensitinya tidak setinggi seperti berlari atau berbasikal, berjalan kaki tetap berkesan dalam membantu menurunkan berat badan. Aktiviti ini juga boleh dilakukan hampir di mana-mana dan pada

bila-bila masa tanpa memerlukan peralatan khas.

sebentar.

Menguatkan otot

Berjalan membantu menguatkan otot, terutamanya di bahagian kaki dan punggung. Aktiviti ini juga bagus untuk keselimbangan dan koordinasi, yang sangat penting untuk mengurangkan risiko jatuh, terutamanya pada orang yang lebih tua.

Meningkatkan kualiti tidur

Berjalan boleh membantu mengawal ritar dan meningkatkan kualiti tidur kita. Aktiviti fizikal ini membantu mengurangkan tekanan dan kebimbangan yang sering menjadi punca utama masalah tidur. Berjalan pada waktu pagi juga boleh membantu mengawal kitaran irama sirkadian (*circadian rhythm*) badan, yang penting untuk tidur yang lama.

Kesimpulan

Berjalan adalah cara yang mudah tetapi berkesan untuk meningkatkan kesihatan fizikal dan mental. Dengan mengambil sedikit masa setiap hari untuk berjalan, kita boleh mengalami manfaat besar yang boleh meningkatkan kualiti hidup awda secara keseluruhan. Jadi, apa tunggu lagi? Pakai kasut dan mula untuk melakukan riadah berjalan kaki.



KERJASAMA KE ARAH MENYANTUNI OYDP, SPS

Siaran Akbar dan Foto :
Persatuan Aftercare Support

SERAMAI 10 orang terdiri daripada Pegawai Kanan dan Pegawai-pegawai dari Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Perdana Menteri mengadakan lawatan dan perbincangan bersama Persatuan Aftercare Support (kanan dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Seramai 10 orang terdiri daripada Pegawai Kanan dan Pegawai-pegawai dari Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Perdana Menteri mengadakan lawatan dan perbincangan bersama Persatuan Aftercare Support (AFSA) hari ini.

Rombongan diketuai oleh Ketua Pegawai Narkotik 1, Pengurus Kanan Perkhidmatan Pengawasan, BKN, Awang Mohamad Fairuz bin Haji Sulong dan dialu-alukan oleh Yang Dipertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya dan Ahli-ahli AFSA.

Antara tujuan lawatan dan perjumpaan ini ialah untuk menjalin kerjasama dan berkolaborasi dengan Persatuan AFSA di samping meninjau peluang-peluang program dan aktiviti yang dikendalikan oleh Persatuan AFSA bagi membantu dan menyantuni Orang Yang Dalam Pengawasan (OYDP) dan Skim Pelepasan Sementara (SPS) dan seterusnya menjalinkan rangkaian yang padu dengan Persatuan



AFSA.

Sesi taklimat ringkas mengenai program dan aktiviti AFSA disampaikan oleh Dayang Hajah Juhana.

Setelah perbincangan secara mendalam di antara kedua-dua agensi, pihak BKN bersetuju untuk menjalin kerjasama dan memberi sokongan kepada pihak AFSA bagi sama-sama membantu dan menyantuni residen di bawah kawalan BKN. Program ini dijangka akan mula dilaksanakan selepas bulan Ramadan nanti.

Adalah diharapkan semoga kedua-dua agensi ini akan dapat terus memberikan bantuan, sokongan dan pemantauan yang lebih efektif kepada mereka yang berkenaan ini.



Bantu kesan Rosita

Siaran Akbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

LAMUNIN, Isnin, 13 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang buruh warganegara Indonesia, Rosita, perempuan berumur 36 tahun dengan nombor pasport E2886692 yang dipercayai lari daripada majikan.

Jika terdapat maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Lamunin menerusi talian +673 4237374 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



WARGANEGARA Indonesia, Rosita dipercayai lari daripada majikan.



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Sambal Pulut Kampung Kapok

BAHAN PULUT :

2 cawan beras pulut
2 cawan santan cair
Garam secukupnya

BAHAN UNTUK SAMBAL KELAPA :

Minyak
Kelapa parut secukupnya (ambil bahagian putih sahaja)
Gula
Garam

BAHAN UNTUK DIKISAR :

2 ulas bawang merah
1 biji bawang besar
1 sudu kecil biji ketumbar
1 sudu kecil jintan manis
1 inci halia
1 inci kunyit hidup
Lada kering secukupnya
Udang kering secukupnya

CARA MEMASAK:


Rendam beras pulut selama 10 minit. Kemudian cuci hingga

bersih. Campurkan beras pulut bersama santan cair dan kukus hingga masak.

Pada kuali yang lain, tumis bahan kisar hingga pecah minyak. Masukkan kelapa parut dan gaul. Bubuh garam dan Ajinomoto ikut suka. Kemudian seimbangkan rasa dengan gula. Gaul hingga sebatи.

Setelah nasi pulut masak, bentukkan pulut menggunakan acuan dan gaul bersama sambal tadi. Siap untuk dihidangkan.

CONCOURSE SNHB BERI KEMUDAHAN LAKUKAN AKTIVITI BERJALAN KAKI, BERLARI



INISIATIF untuk membuka kawasan Concourse di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB) akan menggalakkan lagi masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hernie Suliana Haji Othman,
Infografik : Ihsan Jabatan Belia dan Sukan

BERAKAS, Selasa, 14 Januari. - Sukan dan aktiviti-aktiviti yang sebanding dengannya sudah menjadi lumrah dalam kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini. Akhir-akhir ini, ia lebih ketara lagi dengan meningkatnya kesedaran dalam kalangan masyarakat akan pentingnya mengamalkan cara hidup sihat dan salah satu caranya ialah dengan mengaktifkan diri dalam aktiviti-aktiviti sukan.

Berbagai - bagi kemudahan sukan telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kementerian atau jabatan termasuk juga orang-orang persendirian dan swasta, yang mana kemudahan-kemudahan ini pada keseluruhannya dapat memenuhi kehendak semasa.

Salah satu kemudahan yang baru dibuka kepada orang ramai ialah kawasan Concourse di Stadium Negara Hassanal

Bolkiah (SNHB), di sini. Inisiatif untuk membuka kawasan tersebut akan menggalakkan lagi masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

Dalam tinjauan Pelita Brunei salah seorang pesara yang ditemu bual, Awang Haji Ismail bin Haji Idris memuji kawasan Concourse berkenaan kerana terdapat kemudahan-kemudahan antaranya tandas dan bilik rawatan kecemasan.

Tambahnya, kawasan itu juga sesuai digunakan untuk bersukan ketika cuaca hujan atau panas di samping selamat dan selesa untuk digunakan bersama keluarga serta tidak perlu risau akan kereta yang lalu lintas.

Menurutnya lagi, trek yang terdapat di kawasan Concourse juga stabil digunakan untuk berlari atau berjalan laju (*briskwalk*) berbanding dengan kawasan larian di luar stadium berkenaan.

Selain itu juga katanya,

وقتو قشڪونا عن کاو سن کو ٿڪورس

WAKTU PENGGUNAAN KAWASAN CONCOURSE STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH

yang dibuka kepada orang ramai untuk sukan riadah jogging adalah seperti berikut:

HARI	WAKTU PENGGUNAAN
Isnin, Selasa, Rabu, Sabtu dan Ahad	6.00 pagi – 11.00 pagi 2.30 petang – 6.00 petang 7.00 malam – 10.00 malam
Khamis	4.30 petang – 6.00 petang
Jumaat	6.00 pagi – 10.30 pagi 2.30 petang – 6.00 petang 7.00 malam – 10.00 malam

TUTUP semasa hari penggunaan Stadium Negara Hassanal Bolkiah (perlawanan bolasepak dan sebagainya) dan waktu-waktu keraian tarikh hijrah.



مقرنکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦراغن

Memperkenalkan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

mengalu-alukan orang ramai untuk menggunakan kawasan itu untuk bersukan dan seterusnya menyarankan agar kawasan Concourse di SNHB itu akan sentiasa dijaga kebersihannya bagi keselesaan para pengguna dan semua lapisan masyarakat.

Kawasan Concourse adalah salah satu projek yang terkandung dalam Projek Pembinaan dan Penaiktarafan Stadium Fasa Dua SNHB.

Dengan jarak sepanjang 637 meter mengelilingi stadium, kemudahan ini disediakan untuk orang ramai bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna menjalankan aktiviti sihat seperti berlari dan berjalan laju.

Kawasan Concourse tersebut dilengkapi dengan lampu sepanjang trek sekeliling stadium ini bagi memudahkan pengguna yang menggunakanannya pada waktu malam.

Waktu penggunaan kawasan Concourse SNHB ialah dibuka setiap Isnin, Selasa, Rabu, Sabtu dan Ahad pada jam 6.00 pagi hingga 11.00 pagi; 2.30 petang

hingga 6.00 petang; 7.00 malam hingga 10.00 malam. Manakala pada Khamis, akan dibuka pada jam 4.30 petang hingga 6.00 petang, sementara pada Jumaat, Concourse akan dibuka pada jam 6.00 pagi hingga 10.30 pagi; 2.30 petang hingga 6.00 petang dan pada sebelah malam akan dibuka pada jam 7.00 malam hingga 10.00 malam.

Orang ramai yang menggunakan kemudahan ini dikehendaki untuk menggunakan laluan utama di Tangga Besar Stadium dan mengimbas Kod QR yang disediakan.



AWANG Haji Ismail bin Haji Idris semasa ditemu bual.

**Memperkenalkan
Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the App Store GET IT ON Google Play

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



ePaper Pelita Brunei



DAKI BUKIT UNTUK MENTAL YANG SIHAT



BEKAS peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-47, bagi Tahun 2023 semasa menganjurkan aktiviti kesedaran kesihatan mental dan mendaki bukit di Bukit Batu Bujang Pahang, Kampung Menunggol, baru-baru ini (kiri), manakala gambar kanan, para peserta semasa sesi bergambar ramai.

 Siaran Akhbar dan Foto : Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-47

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Dalam usaha untuk mengekalkan tahap kesihatan yang terjamin, bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-47, bagi Tahun 2023 telah menganjurkan aktiviti kesedaran kesihatan mental dan mendaki bukit di Bukit Batu Bujang Pahang, Kampung Menunggol, baru-baru ini.

Aktiviti yang bertajuk 'Mental Health

Matters 3.0 : Mindful Hiking' ini merupakan aktiviti pasca-program kali ketiga yang dianjurkan oleh bekas peserta SSEAYP 2023 sejak mereka kembali ke tanah air.

Setiap inisiatif mencerminkan dedikasi alumni untuk memupuk perubahan positif dan menangani isu-isu penting dalam komuniti, terutama kesedaran kesihatan mental. Selain itu, program ini juga merupakan salah satu inisiatif untuk menyokong Kempen Hari

Bertindak anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Inisiatif ini menerima sokongan dan penyertaan yang luar biasa dari pelbagai sektor, menunjukkan pengiktirafan masyarakat yang semakin meningkat terhadap kepentingan kesejahteraan mental dan penjagaan alam sekitar.

Seramai 30 orang peserta telah hadir dan mengikuti aktiviti ini, yang turut dihadiri oleh Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram yang juga selaku pemandu pendakian.

Para peserta memulakan pendakian berpandu, mengintegrasikan momen kesedaran, refleksi dan hubungan komuniti sepanjang perjalanan. Pemandangan indah Bukit Batu Bujang Pahang menyediakan latar belakang yang sempurna untuk para peserta berhenti, bernafas dan menikmati keindahanalam.

Aktiviti ini diakhiri dengan sesi perkongsian terbuka, membolehkan peserta merenung pengalaman mereka dan kepentingan kesihatan mental dalam kehidupan sehari-hari.

Perlawanan persahabatan eratkan hubungan, tingkatkan mutu permainan



ANTARA lain tujuan perlawanan persahabatan ini diadakan ialah untuk mengeratkan lagi hubungan antara pemain-pemain badminton tempatan di negara ini.

 Berita dan Foto : Ihsan Abdulle Alfarietie's Shuttlers

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Abdulle Alfarietie's Shuttlers baru-baru ini mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan bersama pengguna Dewan Lambak Kanan bertempat di Dewan SATENAGA Kampung Tanjung Nanga.

Mengetui Abdulle Alfarietie's Shuttler's ialah Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad dengan pasukan terdiri daripada 22 orang pemain manakala pengguna Dewan Lambak Kanan seramai 17 orang pemain diketuai oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Japar.

Antara lain tujuan perlawanan persahabatan ini diadakan ialah untuk mengeratkan lagi hubungan antara pemain-pemain badminton tempatan di negara ini.

Di samping itu juga untuk meningkatkan lagi mutu permainan badminton dalam kalangan pemain-pemain Abdulle Alfarietie's Shuttlers serta memupuk semangat kekitaan yang boleh melahirkan masyarakat yang sihat.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AMALKAN, RAJIN MENGUCAPKAN SELAWAT UNTUK MERAIH KEBAIKAN, KEBAJIKAN DUNIA, AKHIRAT